# GlogHistory

Disediakan oleh: Hanna Cecelia Anak Ragie
PISMP Sejarah Jun 2015

"Poster interaktif menggunakan GlogHistory"

**Mengapa diperlukan?**

## OBJEKTIF:

- Meningkatkan kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan poster inovatif GlogHistory berbanding hanya menggunakan kaedah tradisional.
- Membantu murid memahami isi kandungan sejarah melalui kaedah poster interaktif iaitu Glog History.
- Memberikan peluang kepada murid untuk meneroka sendiri dalam mencari ilmu pengetahuan melalui Glog History

## Masalah:

Murid berasa cepat bosan menggunakan buku teks:

-terutamanya dalam topik Yang di-Pertuan Agong.

-Hanya berpusatkan guru untuk memberi penerangan membuatkan pelajar terasa bosan.

**Apa Yang Ada Dalam Aplikasi Ini?**

Ringkasan Bab Alat Kebesaran Yang di-Pertuan Agong

Video ringkas

Maklumat yang padat

**Kegunaan inovasi?**

Glog History yang dibina sedikit sebanyak menyelesaikan masalah di mana murid sukar untuk mengingat fakta dan pembelajaran yang membosankan. Hal ini kerana dalam Glog History yang dibina akan terdapat video dan gambar yang memudahkan pemahaman murid tentang topik tersebut. Selain video, poster yang dibina ini akan terdapat gambar yang menghubungkan gambar dengan penerangan yang lebih lanjut agar murid dapat meneroka dengan lebih mendalam isi kandungan topik tersebut. Selain itu, pada Glog History akan disediakan juga soalan yang murid boleh jawab untuk menguji pemahaman mereka. Glog History ini juga berbentuk kelas di alam maya di mana guru dan pelajar boleh berinteraksi serta melakukan perbincangan selepas meneroka GlogHistory




## Cara Menggunakan GlogHistory

1) Murid boleh melayari Glog History dengan mengakses Glog dengan mendapatkan "*access code*" dari guru matapelajaran
2) Para murid kemudian boleh melayari Glog dan keluar paparan seperti di gambarajah sebelah. Kemudian murid boleh menekan gambar atau video yang dipaparkan pada poster Glog History bagi memahami dengan lebih teliti topik Alat Kebesaran Yang di Pertuan Agong.

Pilihan Video dan Gambar




Antara video yang digunakan.



Laman web yang akan dilayarai apabila murid *click* pada gambar Glog History









## Kumpulan Sasaran

Kesemua tahap prestasi murid sesuai menggunakan aplikasi ini




**Bilakah inovasi ini sesuai digunakan oleh murid sekolah rendah?**

Inovasi ini sesuai digunakan pada bila-bila masa terutamanya dalam bilik darjah di mana pembelajaran adalah berpusatkan murid. Murid juga dapat mengakses GlogHistory di rumah dan melakukan ulang kaji. Kuiz juga disediakan dan murid dapat menjawab kuiz berpandukan poster GlogHistory yang telah disediakan.